	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA		
	No. Keluaran : 02	No. Pindaan: 00	Tarikh: 3 Jan 2023
DOA.PK(S).02.PPP			
MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP)			

1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan untuk memastikan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) dikendalikan dengan cekap dan berkesan supaya Sistem Pengurusan Kualiti Perkhidmatan Pengembangan Pertanian Jabatan Pertanian sentiasa berkesan dan sesuai dilaksanakan.

2.0 SKOP

Prosedur ini digunakan oleh Wakil Pengurusan (WP) dalam mengendalikan MKSP.

3.0 RUJUKAN

3.1 Manual Kualiti MS ISO 9001:2015 Perkhidmatan Pengembangan Pertanian

4.0 DEFINISI


4.1 Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)

Satu mesyuarat yang diadakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun untuk membincangkan perkara-perkara yang akan memastikan Sistem Pengurusan Kualiti Perkhidmatan Pengembangan Pertanian Jabatan Pertanian sentiasa berkesan dan sesuai dilaksanakan. MKSP dipengerusikan oleh KPP atau pengurusan atasan (pengganti atas arahan).

Urus setia adalah WP dan ahli-ahlinya terdiri daripada semua Pengarah Bahagian (PB), Pengarah Pertanian Negeri (PPN) dan lain-lain pegawai yang dijemput.


5.0 SINGKATAN

KPP	-	Ketua Pengarah Pertanian
MKSP	-	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan
WP	-	Wakil Pengurusan
PB	-	Pengarah Bahagian
PPN	-	Pengarah Pertanian Negeri
TPBPP	-	Timbalan Pengarah Bahagian Pengembangan Pertanian
PYB	-	Pegawai Yang Bertanggungjawab

	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA		
	No. Keluaran : 02	No. Pindaan: 00	Tarikh: 3 Jan 2023
DOA.PK(S).02.PPP MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP)			

6.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

Tanggungjawab	Tindakan	
WP	6.1	Bincang dengan KPP bagi menetapkan tarikh, masa, tempat dan agenda mesyuarat.
WP	6.2	<p>Arahkan PYB menyediakan laporan mengenai perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a) Tindakan terhadap kajian semula pengurusan sebelumnya. b) Perubahan isu dalaman dan luaran berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti. c) Maklumat berkaitan pencapaian prestasi termasuk arah aliran (trend) dalam: <ol style="list-style-type: none"> i. Pencapaian Objektif Kualiti ii. Kepuasan pelanggan iii. Prestasi proses dan keakuran produk dan perkhidmatan iv. Ketakakuran dan tindakan pembetulan v. Keputusan pemantauan dan pengukuran vi. Keputusan audit vii. Prestasi penyedia luar d) kecukupan sumber e) keberkesanan tindakan bagi menyatakan risiko dan peluang f) peluang untuk penambahbaikan
PYB	6.3	Sediakan laporan dan kemukakan kepada WP / TPBPP
WP / TPBPP	6.4	Semak laporan untuk dibentangkan dalam MKSP.
WP / TPBPP	6.5	Bentang semua laporan berkaitan dalam MKSP.
MKSP	6.6	Bincang laporan yang telah dibentangkan oleh WP / TPBPP serta putuskan tindakan pembetulan dan pencegahan serta penambahbaikan yang perlu dilaksanakan.
PYB	6.7	Sediakan minit mesyuarat serta edarkan minit mesyuarat yang telah disemak oleh WP.
TPBPP / PYB	6.8	TPBPP / PYB perlu memperbaiki dan mengemas kini SPK lanjutan daripada minit mesyuarat.

	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA		
	No. Keluaran : 02	No. Pindaan: 00	Tarikh: 3 Jan 2023
DOA.PK(S).02.PPP			
MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP)			

7.0 REKOD KUALITI

Bil.	Rekod kualiti	Lokasi	Tempoh penyimpanan
1.	Surat Panggilan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)	Ibu Pejabat	3 Tahun
2.	Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)	Ibu Pejabat	3 Tahun
3.	Laporan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)	Ibu Pejabat	3 Tahun



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

No. Keluaran : 02

No. Pindaan: 00

Tarikh: 3 Jan 2023

Muka Surat: 5 / 5

DOA.PK(S).02.PPP

MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP)

8.0 CARTA ALIRAN

